



كوفراسي كساتوان كوروملا اجوملايسيا باريت برهد

KOPERASI KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT BERHAD

Bangunan KGMMB, No. 720 Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-40411723/25, 03-40453743/75 Fax: 03-40411730

**MINIT MESYUARAT AGUNG KOPERASI KGMMB BERHAD  
KAWASAN PERAK KALI KE-15:2025**

**TARIKH :** 10 Mei 2025  
**MASA :** 9.00 pagi  
**TEMPAT :** Dewan Kerian Sejahtera (Kerian Lama) Kompleks  
Sekolah Wawasan 34200, Parit Buntar, Perak  
**KEHADIRAN:** 173 orang anggota

**TURUT HADIR:**

1. Cikgu Hj. Mohd Said bin Hussin Bendahari koperasi KGMMB Bhd
2. Cikgu Mohamad Arshad bin Mat Jelani ALK
3. Cikgu Megat Pauzi bin Hj. Ibrahim ALK

**PENGACARA MAJLIS :** Cikgu Mohammad Naser bin Ismail (19284)

Mesyuarat dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan diikuti dengan lagu Negeri Perak dan disertai dengan lagu rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

**AGENDA 1: DOA;**

- 1.1 Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Cikgu Mohd Fadzli bin Musa (28858) agar mesyuarat ini diberkati Allah SWT.

**AGENDA 2: UCAPAN PENERUSI KAWASAN;**

- 2.1 Mesyuarat dimulai dengan ucapan Pengerusi Kawasan Cikgu Dato' Hj. Jamaludin bin Jali (06227) yang melahirkan rasa syukur kehadiran Allah SWT kerana dapat mengadakan mesyuarat agung kawasan (MAK) kali ke-15 bagi tahun 2025. Ini merupakan kali ke-3 MAK Perak diadakan di PPD (Kerian Lama).

- 2.2 Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kehadiran Bendahari koperasi, Cikgu Hj. Mohd Said bin Hussin, Cikgu Mohamad Arshad bin Mat Jelani

- yang merupakan setiausaha Koperasi KGMMB Perak, Cikgu Megat Pauzi bin Hj. Ibrahim ALK Selangor dan semua anggota, pembekal-pembekal serta staf koperasi yang hadir mesyuarat pada hari ini.
- 2.3 Pengerusi memaklumkan Perak berada di tangga ke-3 dalam koperasi mengikut jumlah keanggotaan pada tahun 2024. Beliau menyeru semua anggota untuk sama-sama berkempen menambah anggota koperasi disamping mengekalkan keanggotaan bagi yang telah bersara kerana terdapat banyak faedah yang akan diperolehi seperti khairat kematian kepada waris anggota.
  - 2.4 Pengerusi memaklumkan Perak ada dua aset bangunan milik koperasi iaitu bangunan 4 tingkat 2 blok di Jalan Laksama dan 2 tingkat 2 blok di Taman Ros Teluk Intan, walaupun ada penyewa di bangunan ini tetapi hanya tingkat bawah manakala tingkat atas bangunan masih kosong. Cadangan kepada anggota jika ada rakan-rakan yang berminat untuk menyewa mahupun membeli bangunan koperasi ini.
  - 2.5 Pengerusi merakamkan jutaan terima kasih kepada AJK Perak yang telah berkhidmat selama 2 tahun ini. MAPT pada tahun ini dijangka akan diadakan pada Julai 2025 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  - 2.6 Pengerusi memaklumkan terdapat banyak faedah Kebajikan yang diberikan koperasi kepada anggota melalui TPKA dan DK. Bagi kawasan Perak, ahli berhenti seramai 91 orang pada tahun 2024 manakala jumlah ahli baru hanya seramai 68 orang.
  - 2.7 Akhir kata Pengerusi berharap anggota koperasi dan KGMMB negeri Perak sentiasa bekerjasama dan memberi sokongan kepada koperasi dalam mengukuhkan koperasi ini. Beliau seterusnya mengumumkan elau kehadiran pada mesyuarat ini sebanyak RM110.00 untuk semua anggota koperasi. Disudahi dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir mesyuarat pada hari ini.

### **AGENDA 3 : UCAPAN WAKIL KOPERASI KGMMB BERHAD;**

- 3.1 Bendahari Koperasi KGMMB Berhad Cikgu Hj. Mohd Said bin Hussin mengalu-alukan kehadiran anggota Koperasi yang hadir pada hari ini.
- 3.2 Bendahari memaklumkan bahawa keuntungan koperasi pada tahun berakhir 31 Disember 2024 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu RM5,166,554,00 berbanding RM4,194,521.00 pada tahun 2023 iaitu meningkat sebanyak RM972,033.00 (23.17%). Pendapatan koperasi tahun ini ialah RM6,921,014.00 dan perbelanjaan

sebanyak RM1,754,461.00. Koperasi dapat mengurangkan perbelanjaan sebanyak 33% daripada tahun sebelumnya.

3.3 Bendahari memaklumkan sumber pendapatan lain koperasi ialah daripada Unit Pengguna RM251,993.00, Unit Pembangunan rugi RM86,802.00 dan Unit Hotel juga menunjukkan kerugian RM83,093.00 pada tahun 2024.

3.4 Bendahari menyarankan bagi memastikan koperasi terus mencapai keuntungan, koperasi perlu mengukuhkan strategi perniagaan selain pembiayaan kepada anggota dalam pembiayaan peribadi, pembiayaan khas dan pembiayaan pengguna serta sewaan bangunan. Aktiviti perniagaan lain seperti;

3.4.1 Merangka pembangunan hartanah di Lanchang, Pahang yang berkeluasan 6 ekar dalam dalam proses mendapatkan Kelulusan Merancang dan di Kampung Gemuruh, Terengganu berkeluasan 4 ekar dipecahkan kepada 18 lot dan untuk dijual kepada anggota.

3.4.2 Pusat dialisis usahasama dengan MyAngkasa Dialisis Sdn. Bhd. yang mana koperasi memegang pelaburan 40% di Sg. Tong, Terengganu. Insyaallah dengan izin Allah pusat ini akan dapat dijalankan dalam tahun ini.

3.4.3 Unit Hotel koperasi kita telah diserahkan pengurusannya kepada Syarikat DRH Group Sdn Bhd yang mempunyai kemahiran dalam bidang perhotelan.

3.5 Bendahari memaklumkan rasa syukur kerana koperasi telah 5 kali tersenarai dalam 100 koperasi terbaik Malaysia. Bagi tahun 2024 koperasi berada dikedudukan ke-40 antara 100 koperasi terbaik di seluruh Malaysia.

3.6 Bendahari seterusnya memaklumkan keanggotaan koperasi pada tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah seramai 19,190 orang meningkat seramai 154 orang berbanding tahun sebelumnya iaitu 19,036 orang. Bagi memastikan Koperasi KGMMB Berhad ini kekal relevan usaha-usaha menambah keanggotaan giat dijalankan, salah satu cara ialah dimana koperasi bekerjasama dengan agen-agen insurans dan juga wakil-wakil yang dilantik dikalangan guru-guru atau orang perseorangan bagi mencapai sasaran 30,000 anggota pada tahun 2025. Koperasi menawarkan imbuhan RM30.00 dan KGMMB RM20.00 berjumlah RM50 bagi sesiapa yang berjaya membawa masuk anggota baru.

- 3.7 Bendahari memaklumkan aktiviti utama koperasi iaitu pembiayaan sebanyak RM16,520,554.35 juta kepada anggota bagi tahun 2024 pengurangan sebanyak RM416,584.54 berbanding tahun 2023 dengan pecahan RM7,030,348.45 pembiayaan pengguna, RM4,318,750.00 pembiayaan peribadi dan pembiayaan khas sebanyak RM5,161,000.00 dan insurans kenderaan sebanyak RM10,455.90.
- 3.8 Bendahari juga memaklumkan dalam koperasi giat menjalankan perniagaan koperasi juga tidak lupa untuk menjaga kebajikan anggota di bawah TPKA sebanyak RM1,718,840.00 telah diberikan kepada anggota bagi tahun 2024. Pecahan perbelanjaan ini ialah melanjutkan pelajaran RM460,300.00, kecemerlangan RM226,500.00, bencana alam RM9,900.00, kematian RM171,000.00, faedah hospital RM55,340.00, faedah bersara RM709,600.00 dan Haji/Umrah RM86,200.00. Mulai tahun 2019 yuran DK dinaikkan daripada RM3.00 sebulan kepada RM6.00 dan sumbangan kematian juga ditingkatkan daripada RM10,000 kepada RM20,000 untuk kematian biasa dan RM30,000 kematian akibat kemalangan.

Dengan sokongan daripada anggota dan staf diharapkan perniagaan koperasi akan terus bertambah maju dan memohon maaf jika ada salah dan silap. Akhir kata dengan lafaz Bismillah, Bendahari merasmikan mesyuarat Agung Kawasan kali ke-15 dengan harapan mesyuarat berjalan lancar dan dipermudahkan oleh Allah SWT.

#### **AGENDA 4: MELANTIK SEORANG Pengerusi MESYUARAT;**

- 4.1 Mesyuarat bersetuju melantik Cikgu Dato' Hj. Jamaludin bin Jali (06227) sebagai Pengerusi Mesyuarat.

Cadangan : Cikgu Nor Azman bin Nordin (13573)

Sokongan : Cikgu Isa bin Hj. Hudari (11525)

#### **AGENDA 5: MELANTIK SEORANG Pencatat MINIT;**

- 5.1 Pengerusi memaklumkan mesyuarat melantik staf koperasi Pn. Izzah Izyan binti Jaafarudin sebagai pencatat minit mesyuarat.

#### **AGENDA 6 : MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT KAWASAN KALI KE-14 (2024);**

- 6.1 Pengerusi membentangkan minit mesyuarat agung kawasan Perak kali ke-14 (2024) pada 27 April 2024 yang diadakan secara Teams Webinar untuk pengesahan,

Cadangan : Cikgu Sahrul Nizam bin Mohd Said (37814)  
Sokongan : Cikgu Mohd Fadzli bin Musa (28858)

**AGENDA 7 : MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN DAN DERAJ AKAUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024;**

- 7.1 Bendahari koperasi membentangkan deraj akaun berakhir 31/12/2024 dari muka surat 34 hingga muka surat 41 dengan merujuk perkara berikut;
- Muka surat 34, jumlah pelaburan lain tidak dimasukkan kerana jumlah tersebut dinyatakan pada muka surat 39.
  - Ralat pada muka surat 20, jumlah peningkatan yuran anggota sebanyak RM1,504,110.00 bukan RM1,503,110.00 seperti yang tercatat peningkatan sebanyak 0.02%.

Laporan akaun ini hanya deraj untuk pembentangan sahaja yang akan dibincangkan oleh perwakilan pada MAPT Julai 2025.

Mesyuarat bersetuju menerima laporan tahunan dan deraj akaun koperasi dari muka surat 1 hingga muka surat 41.

**AGENDA 8 : MEMBENTANGKAN BAJET TAHUN 2026 UNTUK DIBENTANGKAN DI DALAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN;**

- 8.1 Bendahari membentangkan bajet tahun 2026 dari muka surat 29 hingga muka surat 33.

Bajet 2026 menyasarkan keuntungan sebanyak RM4,249,929.00 daripada pendapatan RM6,955,753.00 dan perbelanjaan sebanyak RM2,705,824.00.

Mesyuarat menerima bajet tahun 2026 dari muka surat 29 hingga muka surat 33.

**AGENDA 9 : CADANGAN PINDAAN KEPADA UUK;**

- 9.1 – tiada –

## **AGENDA 10 : MELANTIK ANGGOTA PERWAKILAN;**

10.1 Pengerusi memaklumkan 16 orang perwakilan Perak termasuk 2 orang ALK iaitu Cikgu Dato' Hj. Jamaludin bin Jali dan Cikgu Mohamad Arshad bin Mat Jelani kekal sebagai perwakilan supaya dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dalam mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan yang dijangka diadakan pada Julai 2025 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti senarai berikut :-

- 10.1.1 Cikgu Dato' Hj. Jamaludin bin Hj. Jali (06227)
- 10.1.2 Cikgu Mohamad Arshad bin Mat Jelani (15745)
- 10.1.3 Cikgu Nor Azman bin Nordin (13573)
- 10.1.4 Dr. Redzuan bin Mohamed (36042)
- 10.1.5 Cikgu Siti Zaharah binti Mat (37922)
- 10.1.6 Cikgu Mohammad Naser bin Ismail (19284)
- 10.1.7 Cikgu Mohd Yusof bin Hj. Sebran (19372)
- 10.1.8 Cikgu Hj. Isa bin Hj. Hudari (11525)
- 10.1.9 Cikgu Raman bin Nusi (37753)
- 10.1.10 Cikgu Jamaluddin bin Mustafa (13605)
- 10.1.11 Cikgu Syed Khairul Amili bin Syed Nadzir (26532)
- 10.1.12 Cikgu Noor Izzuddin bin Ali Hassan (32399)
- 10.1.13 Cikgu Sahrul Nizam bin Mohd Said (37814)
- 10.1.14 Cikgu Mohd Fadzli bin Musa (28858)
- 10.1.15 Cikgu Fadil bin Osman (32728)
- 10.1.16 Cikgu Jamalulin bin Zainal (10191)

## **AGENDA 11: MENIMBANG USUL-USUL DARI LEMBAGA DAN ANGGOTA;**

### **11.1 USUL ALK 2025 – CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI**

Anggota Lembaga Koperasi membuat usul supaya perkara 60 (1), modal syer dipinda kepada berikut;

#### **UUK yang asal;**

- 60. (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan RM100.00 (Ringgit: Satu Ratus Sahaja) syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan menurut 34 fasal
- (2). Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat. (2) Tempoh menjelaskan syer minimum menurut fasal (1) adalah sebagaimana berikut: (a) (b) Yuran 61. seseorang yang turut sama di

dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini atau yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh perakuan pendaftaran diterima oleh Koperasi; dan seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Undang undang Kecil 15 hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaannya sebagai anggota.

### **Cadangan pindaan; Modal Syer ditingkat kepada RM1,000.00**

**Rasional Meningkatkan Modal Syer Koperasi** - Modal syer merupakan antara sumber kewangan utama bagi sesebuah koperasi. Peningkatan modal syer memainkan peranan yang amat penting dalam memperkukuh kedudukan kewangan koperasi serta menjamin kelangsungan operasinya dalam jangka masa panjang. Rasional utama mengapa langkah ini wajar dilaksanakan;

**Pertama**, peningkatan modal syer dapat meningkatkan keupayaan kewangan koperasi. Modal yang mencukupi membolehkan koperasi menjalankan operasi harian dengan lebih lancar dan melaksanakan pelbagai aktiviti perniagaan serta pelaburan yang berpotensi menjana keuntungan. Ini secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan koperasi dari segi pendapatan dan aset.

**Kedua**, modal syer yang kukuh dapat mempertingkatkan daya saing koperasi di pasaran. Dengan kewangan yang lebih stabil, koperasi berupaya untuk memperluas perkhidmatan, menambah baik produk, serta meneroka peluang-peluang perniagaan baru. Contoh pertanian, perladangan (kelapa sawit). Ini penting agar koperasi dapat kekal relevan dan berdaya saing dalam persekitaran ekonomi yang semakin mencabar.

Selain itu, modal yang tinggi juga membolehkan koperasi melabur dalam projek-projek pembangunan yang berskala besar serta berimpak tinggi. Ini termasuk pembelian aset tetap, pembangunan hartanah, atau usaha sama dengan entiti lain yang dapat memberi pulangan lumayan dalam jangka panjang. Pembinaan stesen minyak juga akan meningkatkan keuntungan kepada koperasi. Tambahan pula, peningkatan modal syer boleh memberi manfaat secara langsung kepada anggota koperasi. Keuntungan yang diperoleh hasil daripada pelaburan dan operasi koperasi berpotensi untuk dikembalikan kepada anggota dalam bentuk dividen yang

lebih tinggi. Ini sekali gus menggalakkan penglibatan aktif anggota dalam koperasi.

Akhir sekali, modal syer yang kukuh mengurangkan kebergantungan koperasi kepada pembiayaan luar, terutamanya pinjaman yang mungkin mengenakan kadar faedah tinggi. Ini membantu koperasi mengurus risiko kewangan dengan lebih berkesan dan mengekalkan kestabilan kewangan jangka panjang.

## **AGENDA 12: MELANTIK AHLI JAWATANKUASA KAWASAN;**

12.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan 16 AJK kawasan Perak terdiri dari perwakilan yang dilantik.

## **AGENDA 13 : HAL-HAL LAIN;**

13.1 Antara perkara yang dibangkitkan oleh Cikgu Nor Azman bin Nordin (13573)

13.1.1 Beliau menasihati agar semua yang hadir untuk menghormati lagu Negaraku ketika dimainkan lagu tersebut.

13.1.2 Beliau juga turut mencadangkan untuk menyediakan mesyuarat dan air minuman untuk setiap kawasan.

13.1.3 Dalam masa yang sama, beliau juga memaklumkan SMS jemputan MAK yang diterima tidak mencukupi 14 hari.

13.1.4 Merujuk kepada Laporan Anggota Lembaga muka surat 24, bagi analisis SWOT, beliau menyarankan agenda kepada UUK di mana ALK perlu memikirkan strategi dan unit penggunaan yang merupakan wajah koperasi.

13.1.5 Beliau turut mencadangkan agar meningkatkan bayaran komisen untuk membawa anggota baru daripada RM50 kepada RM100.

13.1.6 Koperasi mempunyai 3 panel peguam, beliau menyarankan bagi kes yang melibatkan hartanah perlu ada peguam yang dilantik.

13.2 Antara pandangan yang diberikan oleh Cikgu Jamaluddin bin Mustafa (13605);

13.2.1 Beliau menyatakan ahli Lembaga Koperasi perlu mengambil tindakan terhadap kerugian hotel yang dialami ketika ini.

13.2.2 Beliau turut memberikan pandangan kepada bendahari berkenaan kemajuan ekonomi koperasi;

- Pertama, dari segi aspek pelaburan membuat pembinaan rumah.

- Kedua, aspek pembelian tanah untuk menambah keuntungan dan pendapatan koperasi.

- Ketiga, pembinaan stesen minyak jika dilihat beberapa koperasi tidak maju jaya dalam bidang ini.

- Keempat, koperasi tidak perlu lagi membeli bangunan untuk disewakan. Ini disebabkan factor mengambil kira aspek jangka masa panjang di mana perniagaan dilakukan secara dalam talian.

13.2.3 Dari segi aspek Ar-Rahnu pula ianya diuruskan sendiri oleh koperasi. Contohnya Ar-Rahnu di Masjid Tanah yang menguruskan perniagaan mereka sendiri yang mempunyai kadar pulangan yang tinggi.

13.3 Cikgu Nor Azman bin Nordin (13573) mencadangkan agar elaun kehadiran diberikan penambahan dan MAK diadakan di tengah-tengah kawasan seperti di daerah Ipoh.

Ulasan Pengerusi: Bagi pemilihan kawasan perlu melihat kepada keadaan. Contohnya yang melibatkan kos MAK seperti kos sewa dewan sebelum ini di daerah Ipoh adalah sebanyak RM2,000. Sekiranya kawasan hilir perak boleh bagi memberi komitmen lebih terhadap persediaan MAK, cadangan boleh dipertimbangkan.

13.4 Cikgu Noor Izzuddin bin Ali Hassan (32399) mencadangkan untuk kawasan Perak mempunyai akaun 'Facebook' sendiri dan mewujudkan kumpulan di 'Whatsapp' bagi ahli perwakilan.

13.5 Antara maklum balas daripada Bendahari;

13.5.1 Koperasi pernah membuka perniagaan Ar-Rahnu sebelum ini, tetapi disebabkan kekurangan dana kewangan koperasi terpaksa berundur.

13.5.2 Projek bagi ladang-ladang di Pahang pula masih belum dibentangkan. Cara-cara memajukan koperasi akan dibentangkan dengan lebih terperinci semasa MAPT akan datang.

13.5.3 Sebelum ini juga terdapat projek bagi 100 ekar tanah di Manjung di mana Menteri Besar Perak ingin menjadikan taman tema namun setelah Menteri Besar Perak beralih, tanah tersebut telah di ambil semula.

13.5.4 Antara projek terkini, kerjasama dengan Universiti Teknologi Petronas untuk menyewakan asrama pelajar dan melakukan pengurusan bersama.

13.6 Pengerusi menyarankan agar;

13.6.1 Anggota koperasi boleh mendapatkan sebut harga daripada kedai-kedai lain dan memberikan kepada unit pengguna. Tidak semestinya kedai di bawah koperasi.

13.6.2 Koperasi juga telah membuat banyak kajian berkenaan perniagaan Ar-Rahnu sebelum ini.


13.6.3 Pembinaan stesen minyak juga mengikut kepada jumlah keperluan harian. Perbincangan lebih lanjut akan dibawa ke MAPT.

- 13.6.4 Pengerusi turut menyatakan untuk menghidupkan bangunan di Perak. Di mana, terdapat banyak lot kedai yang masih kosong.
- 13.6.5 Pengerusi turut memaklumkan projek pembinaan Hotel di Pudu sedang dalam proses dan koperasi juga telah mendapatkan pinjaman daripada SKM sebanyak RM3 juta.

#### **AGENDA 14 : UCAPAN PENANGGUHAN;**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.04 pagi dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dalam mesyuarat.

Minit dicatat oleh :



**(Izzah Izyan binti Jaafarudin)**  
***Eksekutif Pentadbiran***

Minit disahkan oleh :



**(Cikgu Dato' Hj Jamaludin bin Jali)**  
***Pengerusi Kawasan***